

24 FEB 1997

Bakun - Masing

TABUNG AMANAH BAKUN MASIH KEKURANGAN RM5 JUTA

KUCHING, 24 Feb (Bernama) -- Tabung Amanah Bakun, yang dilancarkan tahun lepas untuk memberi manfaat kepada penduduk yang terklibat secara langsung dengan projek hidro elektrik Bakun masih menunggu sumbangan RM juta lagi yang dijanjikan oleh pengurusan projek.

Pengerusi tabung Dr James Jemut Masing berkata setakat ini tiada jawapan atau pengesahan rasmi diterima daripada pengurusan projek walaupun kedua-dua pihak telah berkomunikasi secara bertulis.

"Ini menimbulkan kebimbangan kepada kami dalam konteks menguruskan tabung amanah dan berharap pengurusan projek Bakun akan mengambil tindakan yang perlu tidak lama lagi, kata beliau kepada pemberita, di sini.

Dr Masing berkata beliau telah melahirkan kebimbangan mengenai perkara itu memandangkan Tabung Amanah Bakun akan mula menawarkan bisiswa kepada pelajar miskin tahun ini dan oleh itu, pengurusan kewangan yang cekap perlu untuk memenuhi permintaan pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pengajian.

Setakat ini, Tabung Amanah Baskun yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerima sejumlah RM10 juta iait RM5 juta sumbangan kerajaan negeri Sarawak dan RM5 juta lagi daripada kerajaan persekutuan.

Mengenai Biasiswa Tabung Amanah, beliau berkata bMeliauorang permohonan akan diedarkan melalui semua pegawai daerah dalam bahagian Kapit termasuk pejabat daerah di Belaga, Kapit dan Song serta pejabat Yayasan Sarawak di Kuching.

Penajaan akan diberikan kepada mereka dari daerah Belaga, yang harus mnduduki kursus jangka pendek antaranya perkayuan, dan latihan mekanikal.

Dr Masing, yang juga Menteri Pelancongan negeri berkata kursus latihan jangka pendek dalam pengurusan perniagaan akan dijalankan oleh Tabung Amanah Bakun di Daerah Belaga dan institusi seperti Mara dan Pusat Laytihan Negeri akan dipelawa bertindfak sebagai pengajar.

"Tarikh bermulanya kursus latihan ini bergantung kepada sambutan orang ramai dari daerah berkenaan," kata beliau. -- BERNAMA

RDY JK